

03/07/2000

Perbanyak kegiatan babitkan bukan ahli: Najib

SHAH ALAM, Ahad - Pemimpin Umno di peringkat akar umbi perlu mewujudkan budaya kerja baru dengan mengadakan lebih banyak kegiatan membabitkan bukan ahli tanpa tertumpu kepada ahli parti saja.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pendekatan itu penting bagi mengeratkan hubungan dan membolehkan rakyat menerima dasar perjuangan parti.

Katanya, Umno bukan setakat parti tetapi institusi tunggal untuk menjaga kepentingan orang Melayu serta rakyat dan ia harus dikekalkan sebagai gerakan massa bukan individu.

"Kita perlu mengadakan lebih banyak sesi penerangan dan pertemuan dengan mereka yang di luar keluarga Umno, tanpa mengharap agensi kerajaan semata-mata.

"Kita juga tidak boleh menaruh syak dan menghukum mereka disebabkan mereka tidak menyokong kita dalam pilihan raya lalu, sebaliknya menarik balik sokongan mereka terhadap parti," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Bengkel Ke Arah Kemantapan Parti Bagi Menghadapi Pilihan Raya Ke-11 serta membahaskan Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perasmian dan Penutup Perhimpunan Agung Umno lalu, di sini hari ini.

Majlis yang dianjurkan di Menara Umno Bahagian Shah Alam itu turut dihadiri Ketua Umno Bahagian, Datuk Salomon Selamat dan timbalannya, Datuk Mohd Zin Mohamed.

Umno Bahagian Shah Alam adalah yang pertama daripada 165 bahagian membahaskan ucapan Perdana Menteri seperti yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi (MT) baru-baru ini.

Najib berkata, ucapan Dr Mahathir boleh dijadikan aspirasi supaya pemimpin di semua peringkat turun ke peringkat akar umbi untuk mendekati rakyat tanpa menunggu menjelang pemilihan parti atau pilihan raya umum saja.

Serentak itu, beliau meminta pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian menyalurkan maklumat tepat tanpa menyembunyikan fakta sebenar, bagi membolehkan pemimpin mengetahui sebarang kelemahan yang wujud.

"Kita tidak harus melaporkan semua jentera okey sedangkan wujud kelemahan yang menuntut perhatian khusus daripada pemimpin di peringkat tertinggi," katanya sambil meminta ahli supaya jangan takut menyatakan perkara sebenar.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendaftaran Pengundi MT turut meminta bahagian mewujudkan pangkalan data untuk mengumpul maklumat mengenai ahli dan pengundi.

Katanya, pangkalan data itu dapat membantu Umno mengenal pasti ahli yang belum mendaftar sebagai pemilih dan mendekati rakyat agar mereka mengundi Barisan Nasional (BN).

(END)